

FKM-MECHA Rhino Kekal Kejuaraan



Kuantan, 13 Mei – Pasukan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal atau lebih sinonim dengan nama FKM-Mecha Rhino menggungguli Kejohanan Liga Sukan Dalam UMP 2017 apabila muncul juara 2 daripada 3 acara yang dipertandingkan iaitu Liga Super UMP bagi acara bola sepak dan UMP Super Five bagi futsal.

Selain muncul juara pada tahun ini, FKM-Mecha Rhino juga berjaya mengekalkan kejuaraan buat tahun keempat berturut-turut selain pemain mereka iaitu Muhamad Amirul Che Azis muncul sebagai Pemain Terbaik Futsal Super Five UMP 2017. Tempat kedua dimenangi oleh FKEE-Dino Thunder dan FKKSA-Polar Power di tempat ketiga.



FKM-Mecha Rhino sekali lagi mengetepikan cabaran terdekat mereka FKEE-Dino Thunder dalam Liga Super UMP dengan kelebihan 7 gol sekaligus mengekalkan kejuaraan Liga Super UMP buat tahun ketiga berturut-turut. Ketua pasukan bolasepak FKM-Mecha Rhino, Aminudin Pi Remli pula muncul sebagai Pemain Terbaik kejohanan selain Muhammad Arief Fahmi Zainuddin dari FKP-The Gryphon muncul sebagai Penjaring Terbanyak Liga Super dengan 12 gol dari 7 perlawanan yang disertainya sekaligus membantu pasukan FKP-The Gryphon untuk berada di tempat ketiga Liga Super UMP 2017.



Bagi acara bola jaring atau dikenali dengan UMP Netbusters, pasukan dari Fakulti Sains Komputer dan Kejuruteraan Perisian atau FSCKP-Arctic Fox muncul juara apabila mengetepikan cabaran FKKSA-Polar Power ditempat kedua dan FKASA-Civer Dragon ditempat ketiga. Zarifah Binti Mohd Haris dari FSCKP-Arctic Fox pula muncul sebagai Pemain Terbaik bagi Liga Bola Jaring UMP Netbusters musim ini.

Menurut Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan, Abd. Rahman hj. Safie berkata, liga yang sudah memasuki tahun keempat penganjurannya ini menjadi medan utama pemilihan atlet bagi mewakili UMP.

"Kejayaan penganjurannya sudah menampakkan impak yang besar apabila pasukan UMP muncul pencabar utama kejohanan di peringkat MASUM dan Liga IPT bagi sukan sukan tersebut," katanya yang mengharapkan perkembangan pencapaian sukan di universiti ini. Beliau mengaharapkan pasukan UMP dapat terus maju dalam mencapai kecemerlangan dalam aktiviti sukan akan datang.

Disediakan oleh Mohd. Farid Md. Ali dari Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 31-05-2017, 16:36:00